

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 29 RABU 19 JULAI, 1967. 1387 ربيع الاخير 11 ابو PERCHUMA

D.Y.M.M. berangkat pulang sa-telah keluar negeri

BERAKAS— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah selamat berangkat pulang ka-tanah ayer semalam sa-telah lawatan mengelilingi dunia.

Sa-tiba-nya baginda dan rombongan di-Lapangan Terbang Berakas telah di-sambut oleh sa-barisan orang2 kenamaan yang terdiri dari ahli2 majlis2 mashuarat, ketua2 pejabat, pegawai2 perkhidmatan pentadbiran Kerajaan Brunei dan pemimpin2 kaum.

Turut berangkat pulang bersama2 baginda itu ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Saleha dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusuf.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat meninggalkan Brunei semenjak 26 April dan dalam jangka waktu itu, baginda telah melawat ka-Australia, Amerika Sharikat, Kanada dan United Kingdom.

Ketika bersemayam di-London, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah mengadakan perbincangan2 umum dengan Setia Usaha Negara bagi Kommonwealth mengenai hal ehwal Brunei.

Berikutan dengan perbin-

changan itu, satu pernyataan telah di-terbitkan di-London yang mengesahkan bahawa Setia Usaha Negara bagi Hal-Ehwal Kommonwealth dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah membincangkan hubungan2 antara Britain dengan Brunei.

PERNYATAAN

Pernyataan itu menyatakan: "Mengenai perkara2 dalam negeri, Setia Usaha Negara bagi Kommonwealth telah menjelaskan kepada Duli Yang Maha Mulia bahawa menurut pendapat-nya, Baginda hendak-lah memberikan pertimbangan sa-lanjut-nya untuk memperluaskan sistem berke-menterian yang telah di-umumkan sa-lepas perbincha-

ngan di-antara Baginda dengan Tuan Bottomley yang telah di-adakan di-London dalam tahun 1964 dan tahun 1965."

Setia Usaha Negara bagi Kommonwealth telah juga menhadangkan bahawa persidangan perlembagaan yang di-ramalkan dalam perbincangan2 tahun 1965 mungkin dapat di-adakan dengan kedatangan hasil tidak lewat dari akhir tahun 1968.

Pernyataan itu menyatakan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda telah mengambil perhatian tentang shor2 yang di-buat oleh Setia Usaha Negara bagi Kommonwealth itu, tetapi merasakan bahawa pada peringkat ini tidak dapat memberi perjanjian yang tertentu.

Sokan Borneo jalan terus walaupun terdapat perubahan politik

SERIA— Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyatakan betapa gembiranya beliau bilamana mengikuti perkembangan2 dan perjalanan sokan tiga wilayah Borneo yang telah mencapai usia 13 tahun.

Beliau menekankan bahawa dalam jangka waktu itu beberapa kesukaran2 dan perubahan2 negara telah berlaku di-ketiga2 wilayah Borneo ini. "Sarawak dan Sabah telah memasoki persekutuan besar Malaysia, manakala Brunei pula memilih untuk berdiri persa-orangan", tegas beliau.

SATU TERADISI

Walau pun demikian, kata beliau, ketiga2 Wilayah Borneo ini, sokan-nya yang sudah menjadi satu teradisi tidak-lah terhenti dengan ada-nya perhubungan dan perubahan2 politik-nya.

Di-samping menisfatkan sokan tiga wilayah itu sa-bagai 'kebal' dari penyakit2 politik, Yang Amat Berhormat itu juga menganggap semangat tersebut sa-bagai yang harus di-banggakan dan mungkin pada satu masa nanti sokan tersebut akan dapat melambangkan kepada dunia.

Kenyataan itu di-buat beliau ketika merasmikan pembukaan perlawanan Sokan Tiga Wilayah Borneo yang telah berlangsung pada hari Juma'at dan Sabtu lepas di-Gelanggang Sokan di-Seria.

Beliau menekankan bahawa dalam pertemuan sokan saper-

LIHAT MUKA 8



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan berjabat salam dengan orang2 kenamaan yang menyambut ketibaan baginda di-Lapangan Terbang Berakas semalam. Di-sa-belah kanan kelihatan Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf sedang mengiringkan baginda.

Larangan memasokkan babi dari S'pura dan S'wak

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Haiwan Awang Subramaniam mengumomkan minggu lalu satu larangan telah di-kenakan ka-atas kemasokan babi2 ka-negeri ini dari Singapura.

Ini berikutan dengan tersibar-nya penyakit demam babi di-Singapura.

Brunei baru2 ini mengenakan larangan ka-atas impot babi dari Malaysia Barat kerana berlaku-nya penyakit demam babi di-negeri itu dan pada minggu lalu telah melarang impot babi dari Sarawak kerana tersibar-nya penyakit sa-rupa itu di-negeri tersebut.

Awang Subramaniam berkata, satu kenaikan tinggi harga babi di-jangka berlaku kerana Singapura merupakan pembekal utama babi2 yang telah di-sembeleh ka-negeri Brunei.

Beliau menambakkata, impot babi dari Sabah sedang di-siasat untuk mengurangkan kekurangan babi2 yang telah di-sembeleh.

Tarikh bagi menanam padi di-enam buah kampong Daerah Belait

KUALA BELAIT — Pehak berkuasa Belait telah menetapkan tarikh bagi kerja2 menyediakan tanah untuk menanam padi di-enam buah kampong di-daerah tersebut pada tahun ini.

Satu pengumuman pejabat daerah berkata, bagi padi sawah, petani2 mesti-lah melulakan kerja di-sawah2 mereka menjelang pertengahan bulan ini sa-bagai persiapan2 bagi memindahkan anak2 padi dalam pertengahan bulan September.

Kerja2 menyemai padi sawah hendak-lah di-mulakan dalam minggu pertama bulan Ogos.

Bagi padi bukit, tanah-nya mesti-lah di-bersehhkan dulu dari belukar2 dan di-bakar. Kerja2 ini hendak-lah di-siapkan pada kira2 hujung bulan Ogos supaya penyemaian boleh di-mulakan pada 1 September.

Pengumuman itu sa-terusnya meminta petani2 supaya memelihara sistem parit dengan sa-baik2-nya dan menambat kerbau2 mereka dalam musim penanaman itu.

Petani2 boleh di-kenakan denda sa-banyak \$25 kerana menchaboli sa-barang peratoran2 yang mengawal penanaman padi.

4 orang wakili Daerah Temburong

TEMBURONG—Dua orang Qari lelaki dan dua orang Qariah perempuan telah di-pilih untuk mewakili daerah Temburong dalam pertandingan membaca kitab suci Al-Koran yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan puasa hadapan.

Mereka ia-lah Aw. Asar bin Sahari dan Awg. Seruddin bin Kembar, bagi bahagian lelaki dan Dayang Bungsu binte Merhasdan dan Dayang Halimah binte Abdul Latif bagi bahagian perempuan.

3 mengidap penyakit bengkak tali perut

BANDAR BRUNEI — Pemandu Pengarah Perkhidmatan Perubatan Dr. I. G. Singh menasihatkan orang ramai supaya mematohi kebersehan 'am di-rumah masing2 untuk memelihara kesihatan umom.

Ini berikutan dengan tiga orang yang mengidap penyakit bengkak tali perut dan usus telah di-masokkan ka-rumah sakit baru2 ini.

Dr. Singh berkata, penyakit bengkak tali perut dan usus di-bawa oleh lalat.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya memasak ayer sa-belum di-minum dan memakan makanan2 hanya yang baru di-masak.

Sampah sarap hendak-lah dibakar dan semua makanan ditutup supaya tidak di-hinggapi oleh lalat yang menyebabkan penyakit itu berjangkit.

Sukatan dan Timbangan yang belum di-pereksa di-minta hantar sekarang

BANDAR BRUNEI—Merinyu Sukatan dan Timbangan, telah menyeru pekedai2 dan lain2 gulungan perniagaan, supaya menghantarkan alat2 sukatan dan timbangan-nya, untuk di-pereksa.

Kata-nya, orang2 yang memiliki alat2 sukatan dan timbangan yang maseh belum di-pereksa, dan di-menterikan pengesahan-nya bagi tahun ini, boleh di-da'wa dan di-hukom denda sa-banyak \$25.00.

Denda itu akan di-naikkan

kapada \$50.00 dan alat2-nya juga akan di-rampas kerana kesalahan yang kedua.

Merinyu Sukatan dan Timbangan serta kakitangan-nya, sudah pun menyelesaikan rangka lawatan-nya ka-kawasan bandar dan kampong, kerana menjalankan pemereksaan itu.

Alat2 sukatan dan timbangan yang maseh belum di-hantarkan, boleh-lah di-bawa ka-pejabat-nya di-bandar Brunei, pada bila2 masa waktu bekerja, untuk di-pereksa dan di-menterikan pengesahan-nya.



KIUDANG—Pengelola Persatuan2 Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah baru ini telah menyampaikan satu cheramah mengenai Belia dan Masharakat dalam satu majlis yang di-langsungkan di-Sekolah Melayu Kiudang dalam Daerah Tutong.

Dalam cheramah itu, Awang Zulkiflie banyak menumpukan perhatian-nya tentang pengertian belia dan hubongan2-nya dengan masharakat dan negeri yang di-sifatkan beliau bahawa tenaga belia ada-lah sa-bagai satu tenaga yang kuat bagi mendukung chita2 meninggikan taraf hidup masharakat dan kemajuan negeri dalam berbagai2 bidang projek perkembangan dan pembangunan

yang di-laksanakan dan akan di-jalankan.

Beliau juga mengingatkan belia2 di-negeri ini supaya jangan terpesong dari apa yang dikehendaki dalam perlembagaan persatuan masing2 dan aktibiti2 persatuan.

Awang Zulkiflie menyeru persatuan2 belia di-negeri ini supaya menjauhi perkumpulan2 yang di-sifatkan-nya sa-bagai kumpulan2 yang sia2 dan membazir.

Majlis cheramah itu juga ada-lah bagi meraikan sa-orang ahli persatuan KAMUDI, Aw. Saad bin Taip yang menyertai Kursus di-Kuala Kubu Selangor.

Gambar atas menunjukkan Awang Zulkiflie sedang bercheramah di-majlis tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Julai, 1967 hingga ka-hari Selasa 25 Julai, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
20 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56	6-14
21 Julai	12-32	3-59	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
22 Julai	12-32	3-59	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
23 Julai	12-32	3-59	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
24 Julai	12-32	3-59	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
25 Julai	12-32	3-59	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Malaria: Langkah mengawasi buroh2 dari Sarawak, Sabah dan Taiwan

BANDAR BRUNEI — Pehak berkuasa penghapus Malaria menhadangkan bahawa buroh2 baru yang di-bawa dari Sabah, Sarawak dan Taiwan untuk bekerja di-negeri ini hendaklah diberikan permit2 kerja hanya jika mereka itu bebas dari penyakit Malaria.

Ketua projek penghapus Malaria, Dr. Yao Tsing Wu berkata sa-belum permit2 kerja di-keluarkan, buroh2 yang baru di-lantik itu mesti-lah melaporakan diri mereka kerana menjalani satu ujian darah di-ibu pejabat Malaria.

Langkah ini ada-lah mustahak untuk mencheegah berlakunya sa-mula penyakit Malaria di-negeri ini.

Dr. Wu menyatakan, satu persetujuan telah pun di-chapai di-antara Jabatan Penghapus Malaria dengan Jabatan Buroh dalam bulan Mei untuk bekerjasama dengan lebeh erat guna menentukan bahawa buroh2 yang di-bawa masuk tidak akan merebakkan penyakit itu ka-negeri ini.

Pada awal tahun ini, jabatan tersebut telah menjumpai lima kejadian penyakit malaria yang di-bawa masuk dari negara2 lain yang berpenyakit malaria.

Pehak berkuasa penghapus

Malaria maseh terus menghan-tar rombongan2 pengesan penyakit itu ka-kawasan2 luar bandar, khusus untuk mengumpulkan chontoh2 darah yang di-ambil dari kumpulan2 buroh yang bekerja di-situ.

Dr. Wu menyatakan, dari bulan Mach hingga ka-bulan Jun tahun ini, sa-jumlah 143 buroh yang di-bawa masuk yang berada di-kampung2 dan 212 buroh yang baru di-bawa masuk telah pun di-pereksa.

Pemereksaan ini akan diteruskan sa-bagai salah satu kegiatan2 biasa kerja2 mengesan penyakit malaria sa-chara aktif yang di-jalankan oleh projek penghapus Malaria.

Lebeh 8 juta mata wang yang baru di-edarkan

BANDAR BRUNEI. — Pengerusi Lembaga Mata Wang Brunei, Dato John Lee berkata lebeh dari \$8½ juta mata wang Brunei telah pun berada dalam peredaran di-Negeri Brunei sahingga 30 Jun.

Mensifatkan tempoh peralehan sa-chara beransor2 sa-bagai berjalan dengan sangat li-chin dan lancar, pengerusi Lembaga itu menguchapkan terima kasih kepada bank2 pekedai2 dan juga orang ramai kerana ikut serta menjayakan-nya.

Dato Lee berkata, maseh terdapat lagi sa-jumlah besar wang2 kertas Malaya dalam peredaran dan meskipun wang2 kertas itu sah di-perlakukan buat beberapa lama lagi, namun ada-lah bagi kepentingan negeri untuk menggantikan wang2 kertas yang lama dengan seberapa segera yang boleh.

Beliau meminta pekedai2 supaya memberikan hanya wang2 kertas Brunei dengan jalan penukaran dan membayarkan mata wang lama kepada bank2 di-negeri ini.

Orang ramai, sa-balek-nya adalah di-nasihatkan supaya membayar kepada pekedai2 mata wang lama yang ada dalam simpanan mereka dan meminta supaya tukaran-nya hendaklah dengan mata wang Brunei baru.

Dengan jalan ini, kata Dato Lee, mata wang yang lama akan dapat di-serahkan kepada Lembaga Mata Wang dengan lebeh cepat dan di-gantikan dengan peredaran wang2 kertas baru.

Wakil Brunei untuk membeli beras di-Thailand

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumomkan perlantakan Sharikat Beras Nikorn Berhad atau Nikorn Rice Company Limited sa-bagai wakil kerajaan di-Thailand.

Satu pengumoman berkata, pegawai2 kerajaan yang memerlukan perkhidmatan wakil tersebut mengenai urusan2 resmi, ada-lah di-khendaki membuat perhubungan dengan Setia Usaha Kerajaan.

Sharikat itu beribu pejabat

di-Bangkok.

Sejak dari tahun 1963, sharikat tersebut merupakan wakil kerajaan untuk membeli beras Siam yang di-impot oleh Kerajaan Brunei sa-chara langsung dari Thailand.



BANDAR BRUNEI. — Sa-orang juruchakap jabatan kerja raya berkata, jalan raya ka-Lamunin sedang di-perbaiki dengan di-buboh minyak tar. Setakat ini sa-panjang dua batu jalan raya telah di-siram dengan minyak tar dan kerja2 sedang berjalan terus untuk menutup dengan minyak tar satu lagi jalan raya sa-panjang empat batu.

Jalan raya itu berchabang dari jalan raya Brunei Tutong dekat batu 18 untuk memberikan jalan keluar kepada kampung2 dari simpang itu ka-Lamunin.

Projek jalan raya Tutong Lamunin termasuk jambatan2 di-taksirkan berharga satu juta, lapan ratus ribu ringgit.

Juruchakap itu berkata, projek jalan raya di-Gadong ham-

pir selesai dengan kira2 satu batu jalan raya maseh belum di-siram dengan minyak tar.

Jalan raya yang berchabang dari jalan raya Berakas dekat Brunei Sports Club menyambungkan jalan raya Brunei Tutong di-batu lapan.

Gambar atas ia-lah; peman-dangan jalan raya baru di-Lamunin yang sedang dalam pem-binaan.

Brunei di-wakili dalam seminar peranchang kanak2 dan belia

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kerajaan Brunei telah berlepas ka-Bangkok dalam minggu lalu untuk menyertai seminar peranchangan bagi kanak2 dan belia dalam pembangunan negara yang telah di-adakan di-ibu negara Thai mulai dari 17 hingga 27 Julai.

Mereka ia-lah Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Md. Taib dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Awang Kifli bin Bujang dari Jabatan Pelajaran.

Sa-orang juruchakap kerajaan berkata, seminar itu di-anjorkan dengan kerjasama dari Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh dan Wang Kumpulan Bangsa2 Bersatu bagi Kanak2

Tujuan utama seminar itu ia-lah untuk memberikan peluang kepada juru2 teknik kanan bagi peranchangan di-negara2 kawasan ECAFE untuk bertukar2 pengalaman dan ma'alumat2 mengenai kedadah2, penyusunan dan peratoran2 peranchangan bagi anak2 muda dalam pembangunan negara.

Para peserta dalam seminar itu akan juga membincangkan perkara2 mengenai kesihatan, pelajaran, pekerjaan bagi pemuda pemudi, dan latehan2 dalam pembangunan negara.

Sambutan hari Keputeraan D.Y.M.M. ke-51: Tutong bentok jawatankuasa

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah di-pilih sa-bagai pengerusi bagi Jawatankuasa Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bagi daerah Tutong, pada tahun ini.

Beliau telah di-pilih dalam satu mashuarat yang telah di-adakan di-bilek persidangan pejabat daerah minggu lalu. Pgn. Othman ada-lah juga pengerusi jawatankuasa yang telah meranchangkan perayaan2 sambutan di-daerah Tutong pada tahun lalu.

Jawatankuasa baru itu terdiri dari 37 orang anggota yang mana kebanyakan dari mereka berkhidmat dalam jawatankuasa yang lampau.

Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda jatuh pada 23 September, ia-itu hari keputeraan Baginda yang ke-51.

19 Julai, 1967.

PERSAHABATAN DALAM SOKAN BORNEO

PERLAWANAN Sokan Borneo telah pun berakhir dan sa-tengah2 gulungan mensifatkan-nya sa-bagai 'berjaya'. Sa-memangnya dalam satu2 perlawanan kejayaan ada-lah merupakan satu paktor yang menjadi tumpuan sama ada berjaya dalam perlawanan, mahu pun 'berjaya' acara2 sambutan perlawanan itu di-langsungkan. Di-sabalek kejayaan itu, memang pula agak-nya menjadi teradat bahawa 'terdapat' beberapa kepinchangan baik pun yang di-sedari mahu pun tidak. Tetapi kalau kepinchangan2 yang di-sedari itu di-sifatkan pula sa-bagai 'yang tidak di-sedari' maka mudah saja di-anggap bahawa kepinchangan itu di-lakukan bukan di-dahului dengan perkataan 'ter'. Peristiwa "pechah pintu" oleh pemberita2 dan penyunting berita radio dan surat2 khabar untuk masuk ka-Gelanggang Sokan Borneo itu amat memeranjatkan dan sa-patut-nya peristawa itu tidak harus terjadi, malah keistemewaan harus di-berikan kepada mereka dan amat-lah tidak bijak kalau kebiasaan layanan yang di-berikan kepada "gulungan mereka itu" di-negara2 lain tidak pula di-ujudkan di-negara kita.

Menurut Pengerusi Sokan Amateur Negeri Brunei bahawa sejarah bagi mengadakan perlawan Sokan antara ketiga2 Wilayah Borneo itu ada-lah terbit-nya dari anjoran empat orang pencinta sokan ia-itu dua dari Brunei dan dua dari Sabah yang berkesudahan menghapi satu persetujuan bahawa 'Sokan Borneo' harus di-ujudkan. Dengan itu, maka pada tahun 1955 di-langsungkanlah perlawanan sulong-nya yang ketika itu di-adakan di-Padang Klab Shell, Seria.

Dari sejak itu perlawanan demi perlawanan di-jalankan dengan penuh perasaan persahabatan yang sa-memangnya sudah terjalin sejak berpuluh2 tahun yang silam. Brunei adalah sa-memangnya mengalu2kan perasaan muhibbah saperiti itu dan hendak-nya akan lebeh erat lagi, malah suasana persahabatan itu akan berkembang terus menerus.

Dalam masa perlawanan2 sokan itu di-adakan baik di-Kuing, Sarawak mahu pun di-Jesselton, Sabah satu perkara yang dapat di-lihat ia-lah hubungan antara ahli2 di-keti-ga2 wilayah itu yang masing2 telah menunjukkan kemeseeraan antara satu sama lain. Hal ini dapat-lah di-buat sa-bagai satu petunjuk bahawa kemeseeraan ada-lah penting bagi mengekal dan mengukuhkan persahabatan dan persafahaman yang sudah terjalin sejak sekian lama itu. Bagitu juga layanan2 yang di-berikan oleh saudara2 kita di-Sabah dan Sarawak sa-masa perlawanan itu di-adakan ditempat mereka ada-lah sangat2 memuaskan. Kita berharap semoga persahabatan itu makin bertambah kukuh lagi.




Sa-bahagian daripada orang2 kenamaan yang hadir di-temasha pembukaan Sokan Borneo pada hari Juma'at lepas.


GAMBAR2 DALAM PERLAWANAN SOKAN TIGA WILAYAH BORNEO



Maria Yusof peserta dari Sabah yang memchahkan rekod lumba lari jarak 200 meter.



Salleh Wahab dari Sarawak (kanan sekali) pemenang pertama dalam lumba lari lompat pagar 400 meter, di-ikuti oleh Kuda Dita juga dari Sarawak (kiri sekali) dan ketiga Hamid Momin dari Brunei (No. 2 dari kanan).



Dilbigh Singh Kler dari Sabah, pemenang pertama dalam lumba lari 1,500 meter.



V. Vijaratnam peserta dari Sabah pemenang lumba lari jarak dekat 100 meter.



Perserta2 sokan berkumpul sebelum pembukaan perlawanan di-langsungkan.



Mary Wong (kanan) dan Wong Mun Yun, kedua2-nya peserta dari Sabah ia-lah pemenang pertama dan ketiga dalam pertandingan melimpir piring tersenyum riang atas kemenangan mereka.



Boniface Yeo peserta dari Brunei pemenang ketiga dalam lompat tinggi

JAWATAN KOSONG:

SA-BAGAI PEMANDU MOTOR SANGKUT

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II di-Jabatan Kastam, Brunei.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sa-lama 3 tahun dalam sa-barang sungai di-daerah Brunei dan Muara serta boleh memperbaiki kerosakan2 kecil jentera motor sangkut.

GAJI:

Dalam sukatan F. 2 EB 3 - 180x5 - 195/EB/200x5 - 220.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Ogos, 1967.

202 PELAJAR DI-LUAR NEGERI TERIMA BIASISWA KERAJAAN DALAM TAHUN LALU

BANDAR BRUNEI — Kerajaan pada tahun lalu menanggung perbelanjaan 202 orang pelajar yang menerima biasiswa kerajaan di-antara 389 orang pelajar yang sedang menuntut di-luar negeri.

Satu penerbitan jabatan pelajaran menyatakan, pemegang2 biasiswa itu, sama ada bagi pelajaran menengah, latihan jururawat, latihan perguruan atau pun pelajaran tinggi.

Lapan orang guru yang sedang berkhidmat dengan kerajaan telah di-hantar ka-luar negeri pada tahun lalu kerana menjalani satu kursus sa-lama sa-tahun dalam pengajian bahasa Melayu.

Hadhiri Seminar Peradaban Islam Sa-Malaysia

BANDAR BRUNEI — Dua orang pegawai Jabatan Hal Ehal Ugama Brunei Aw. Abdul Hamid bin Bakal dan Awang Abdullah bin Metassan telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Rabu lepas untuk menghadiri Seminar Peradaban Islam Sa-Malaysia.

Seminar itu di-anjorkan oleh Kesatuan Penuntut2 Kolej Islam dan telah berjalan sa-lama tiga hari mulai dari 15 Julai.

Tujuan seminar tersebut antara lain ia-lah untuk mengujudkan kesedaran beragama di-kalangan orang2 Islam dan untuk mengkaji chadangan2 dan shor2 bagi kerjasama di-kalangan Umat Islam di-seluruh dunia.

Perusahaan Takehara di-luaskan raayat di-jemput sumbangkan saham

MUARA — Sharikat Limbongan Kapal Takehara di-Muara sedang meranchangkan hendak memperluaskan perusahaan-nya dan menjemput raayat Brunei supaya turut serta menyumbang model saham-nya.

Dua puluh orang raayat Brunei telah pun bekerja di-limbongan itu dan lebih ramai lagi akan mendapat kerja apabila ranchangan untuk meluaskan perusahaan itu dapat di-laksanakan.

Sa-orang juruchakap sharikat berkata, usaha meluaskan itu telah di-ranchangkan, berikutan dengan bertambah-nya pesanan untuk membeli kapal2 buatan tempatan dari negara2 tetangga.

Kata-nya, pesanan2 untuk membeli kapal telah di-terima dari Singapura, Malaysia dan Hongkong.

Limbongan kapal yang di-tubohan dalam tahun1963 itu, setakat ini telah menyerahkan tujuh buah kapal, hitong panjang 100 tan berat-nya tiap2 kapal itu kepada sharikat2 di-Sarawak dan Sabah.

Empat buah lagi sedang hampir siap di-bena dan akan di-serahkan pada tahun ini. Kapal2 itu berat-nya di-antara 200 hingga 300 tan, tiap2 sa-buah.

Juruchakap itu menyatakan, untuk memenohi pesanan2 yang semakin bertambah itu,

sharikat akan membawa masuk lebih banyak lagi alat2 kelengkapan dan jentera dari ibu pejabat-nya di-negeri Jepun pada tahun hadapan.

Apabila jentera dan mesin2 tambahan di-pasang, kelak limbongan itu akan turut bertambah dengan kira2 tiga kali ganda.

Limbongan kapal itu mengambil masa kira2 sa-bulan sa-tengah untuk membena sa-buah kapal yang berat-nya 100 tan dengan jentera-nya sekali.

Ia-nya di-tubuhkan sa-bagai sa-buah perusahaan bersama Brunei/Jepun untuk memberikan pekerjaan kepada raayat Brunei dalam perusahaan membena kapal.

Juruchakap itu menambhakan, salah satu dari tujuan sharikat ia-lah untuk mengadakan sa-buah pusat latihan dalam ilmu pembenaan kapal bagi belia2 tempatan.

Sharikat tersebut berharap akan dapat menubuhkan sekolah latihan itu di-Muara apabila kumpulan wang-nya diadakan supaya anak2 muda tempatan dapat mempelajari ilmu pengetahuan mengenai pembenaan kapal di-negeri ini.

TEKNIK MENGAJAR YANG MODEN DI-SEKOLAH PERTANIAN—K.G.Malet

BANDAR BRUNEI — Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet berkata persatuan2 peladang di-negeri ini hendak-lah pertamanya bertujuan ka-arah meninggikan taraf hidup peladang.

Ini dapat di-lakukan dengan perkhidmatan tambahan yang cekap, menanam tanam2an yang bermutu tinggi atau menternak hanya binatang2 ternakan yang menguntungkan dan dengan menerima harga tinggi bagi hasil pengeluaran mereka.

Beliau juga menggesa peladang2 supaya memelihara persatuan2 mereka dalam keadaan yang amat cekap.

Awang Malet telah beruchap kepada wakil2 dari 56 buah persatuan2 peladang dalam mashuarat agong tahunan yang kedua Persekutuan Persatuan2 Peladang yang telah berlangsung di-Bandar Brunei pada minggu lalu.

Awang Malet berkata perkhidmatan tambahan dapat diperbaiki lagi menerusi pembentukan sa-buah sekolah pertanian baru bagi negeri ini.

Beliau berkata sekolah pertanian yang sekarang sedang di-bena dekat bandar Brunei akan siap pembenaan-nya pada pertengahan tahun hadapan.

Kakitangan2 tambahan jaba-

5 BIASISWA MAJLIS MASHARAKAT KUALA BELAIT

SERIA—Majlis Perkhidmatan Masharakat Belait telah meluluskan sa-jumlah lima hadiah biasiswa bagi tahun ini kepada murid2 yang sangat2 memerlukan-nya di-sekolah2 rendah dan menengah aliran Inggeris.

Tiga hadiah biasiswa telah di-kurniakan pada awal tahun ini dan dua biasiswa di-perkenankan minggu lalu kepada Siti binti Matnoor dari sekolah St. John, Kuala Belait dan Mohammed Jaya bin Dollah Sekolah St. Magaret, Seria.

Pengerusi Majlis itu Dato P. A. Coates berkata, kedua orang murid itu yang sedang belajar di-darjah rendah empat akan menerima \$150 sa-tahun bagi tiga tahun yang pertama.

Jika mereka berjaya dengan chemerlang-nya dalam peperiksaan memasuki sekolah menengah anjoran Kerajaan, maka Majlis akan menambahkan elaun tersebut kepada \$50 lagi.

Hadiah biasiswa Majlis itu ia-lah sa-lama enam tahun.

tan itu yang akan menghadiri latihan di-sekolah itu akan mempelajari teknik2 mengajar yang moden dan ma'alumat baru mengenai tanam2an dan binatang2 ternakan yang sangat memberi faedah.

Pengarah itu berkata untuk menjamin kejayaan dalam perkhidmatan tambahan itu sa-buah pusat penyelidekan pertanian yang kecil telah di-chadangkan dan akan di-tubuhkan dalam tahun hadapan.

Kakitangan2 penyelidekan akan memberi nasihat mengenai penggunaan yang lebih cekap rachun kerangga, ramput rampai dan chedawan dan juga menunjukkan tanam2an yang manakah lebih memberi faedah.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

SOKAN TIGA WILAYAH BORNEO

HANYA TIGA REKOD BARU DI-CHIPTA SABAH GUNDOL KEMENANGAN YANG GEMILANG

SERIA — Dalam pertandingan Sokan Antara Wilayah Borneo kali ke-13 yang berlangsung di-gelangang sokan Seria, pada hari Juma'at dan Sabtu lepas, hanya tiga rekod baru telah di-chipta, dua oleh Sabah dan satu Sarawak.

Kejayaan yang paling menarek sekali, oleh Albert Blassan dari Sarawak dalam pertandingan Lompat Berkalah sa-tinggi 12 kaki, dan ini ada-lah satu kejayaan memecahkan rekod lama sa-tinggi, 11 kaki 7 inchi yang di-chipta oleh Joseph Chua, juga dari Sarawak.

Cyril Perera juga dari Sarawak yang mendapat tempat kedua, berjaya memecahkan rekod lama, sa-telah melompat sa-tinggi 11 kaki 8½ in chi.

Satu lagi kejayaan yang menarek ia-lah oleh pelumba jarak dekat bahagian wanita dari Sabah, Maria Yusoff, yang memecahkan rekod lumba lari jarak 200 meter, yang di-chipta oleh Patricia Stahlman tiga tahun dulu, dengan mengambil masa 26.8 sa'at, ia-itu satu perlima sa'at lebih cepat.

Dalam sokan Borneo selama dua hari ini, jagoh lama dari Brunei Aloysius Sibidol maseh dapat menjunokkan ke-handalan-nya. Meskipun A. Sibidol tidak berjaya menda-patkan jarak 44 kaki 10 inchi, rekod yang di-chipta-nya dalam tahun 1958 dalam per-tandingan Membuang Peluru, tetapi berjaya memenangi per-tandingan-nya yang di-sandang sa-lama 13 tahun dengan melontar sa-jauh 41 kaki 9 inchi.

MENANG BERSAMA

Dalam pertandingan lari berganti2 empat orang jarak 16,00 meter, peserta dari Sabah dan Sarawak telah menjunokkan kehandalan masing2, dan akhir-nya kedua2 belah pasukan menang bersama.

Sabah yang di-wakili oleh 39 peserta, 13 wanita mendapat kemenangan dalam 15 pertandingan; Sarawak 10, sementara Brunei yang menjadi tuan rumah memenangi hanya dua pertandingan.

Sabah yang menjadi johan mendapat 132 mata dalam bahagian lelaki dan 112½ mata bahagian wanita. Sarawak 121 mata bahagian lelaki dan 94 mata bahagian wanita, sementara Brunei mendapat 84 dan 48½ mata.

Keputusan2 perlawanan sa-penoh-nya ia-lah seperti berikut: —

LOMPAT TINGGI (Lelaki): 1. Bolhassan (Sarawak) 5 kaki 10 inchi; 2. Peter Ho (Brunei); 3. Boniface Yeo (Brunei).

LEMPAR PIRING (Wanita): 1. Mary Wong (Sabah) 101 kaki ½ inchi; 2. Seah Kim Hua (Sarawak); 3. Wong Mun Yun (Sabah).

LOMPAT JAUH: 1. Anthony Chong (Sabah) 24 kaki ½ inchi; 2. P.C. Paulos (Sabah); 3. Rani Metassan (Brunei).

LOMPAT PAGAR 400 METER: 1. Salleh Wahab (Sarawak); 2. Kuda Dita (Sarawak); 3. Hamid Momin (Brunei).

LUMBA LARI 200 METER (Wanita): 1. Maria Yusof (Sabah) 26.8 sa'at; 2. Irene Ng (Sabah); 3. Thien Lee Choo (Sarawak).

LUMBA LARI 1,500 METER (Lelaki) 1. Dilbagh Singh Kler (Sabah) 4 minit 6.5 sa'at 2. Eric Dyball (Sabah) 3. Hamdan (Sarawak).

LUMBA LARI 800 METER (Wanita) 1. Chong Mei Ling (Sarawak) 2. minit 33.7 sa'at 2. Lee Nyuk Moi (Sarawak) 3. Ratan Kaun Kler (Sabah).

LUMBA LARI 4x400 METER: 1. Sabah 43.6 sa'at; 2. Brunei; Sarawak telah di-tolak kerana menchaboli peratoran sokan.

LUMBA LARI LOMPAT PAGAR 110 METER (Lelaki): 1. Kuda Dita (Sarawak) 15.4 sa'at 2. Salleh Wahab (Sarawak); 3. Rani Metassan (Brunei).

MELONTAR LEMBING (Lelaki) 1. Premjeit Singh (Sarawak) 178 kaki 11 inchi 2. Fred Fung (Sabah) 3. Deljeit Singh (Sarawak).

LOMPAT JAUH (Wanita) 1. Kueh Siew Luan (Sarawak) 16 kaki-6 inchi 2. Maria Yusof (Sabah) 3. Mariam Mujie (Sabah)

LARI 800 METER (Lelaki) 1. Dilbagh Singh Kler (Sabah) 1 min. 59.9 sa'at 2. Joseph Mong (Sarawak) 3. Balwant Singh Kler (Sabah)

LARI 100 METER (Lelaki) 1. V. Vijaratnam (Sabah); 10.9 sa'at 2. Marzuki Hassan (Sarawak) 3. Abdul Aziz (Sabah)

LARI 100 METER (Wanita) 1. Maria Yusof (Sabah) 12.9 sa'at. 2. Irene Ng (Sabah) 3. Thien Lee Choo (Sarawak).

LOMPAT TINGGI (Wanita): 1. Chai Ng Mei (Sarawak) 4 kaki 5½ inchi; 2. Kueh Siew Luan (Sarawak); 3. Di-menangi sama oleh Han Len Fong dan Leong Pit Wan (Brunei).

MELONTAR LEMBING (Wanita) 1. Wong Mun Yun (Sabah) 103 kaki ½ inchi; 2. Vivien Ee (Sarawak) 3. Chong Nyet Ha (Sabah)

MEMBUANG PELURU (Lelaki) 1. A. Sibidol (Brunei) 41 kaki 9 inchi 2. Philip Thien (Sabah) 3. William Yeo (Sarawak)

LARI 400 METER (Lelaki) 1. Salleh Wahab (Sarawak) 51.8 sa'at 2. Mohd. Noor (Sabah) 3. Hamid Momin (Brunei)

LARI LOMPAT PAGAR 80 METER (Wanita): 1. Haracharan Kler (Sabah) 13.2 sa'at 2. Voon Siew Eng (Sarawak); 3. Thong Cheng Kuen (Brunei)

LOMPAT BERGALAH (Lelaki) 1. Albert Blassan (Sarawak) 12 kaki (Rekod) 2. Cyril Perera (Sarawak) 3. Wong Ah Yun (Sabah)

LOMPAT KIJANG 1. Chang Siew Khun (Brunei) 47 kaki 1 inchi 2.

Suhaili Lani (Brunei) 3. Albert Chong (Sabah).

MELEMPAR PIRING (Lelaki) 1. Philip Thien (Sabah) 124 kaki 4 inchi; 2. Premjeit Singh (Sarawak) 3. Sgt. Mausi (Sabah).

MEMBUANG PELURU (Wanita): 1. Mary Wong (Sabah) 35 kaki 3½ inchi; 2. Ann Wong (Sabah) 3. Vivien Ee (Sarawak).

LARI 200 METER (Lelaki) 1. Zainuddin Wahab (Sabah) 22.4 sa'at 2. V. Vijaratnam (Sabah) 3. Marzuki Hassan (Sarawak).

LARI 5,000 METER (Lelaki) 1. Dilbagh Kler (Sabah) 16 minit 37 sa'at 2. Grambeh (Sarawak) 3. John Lawrence (Sabah).

LARI 400 METER (Wanita): 1. Lee Nyuk Moi (Sarawak) 64 sa'at 2. Chong Mei Ling (Sarawak) 3. Gurjit Bagwala (Sabah).

LARI BERGANTI2 4x100 METER (Wanita) 1. Sabah 53 sa'at 2. Sarawak. 3. Brunei.

LARI BERGANTI2 METER 4x400 METER (Lelaki) 1. di-menangi bersama oleh Sabah dan Sarawak dengan masa-nya 3 minit 28.3 sa'at 2. Brunei.

Pendaftaran ka-sekolah2

Melayu di-tutup

BANDAR BRUNEI—Pendaftaran bagi kemasokan kanak2 ka-sekolah2 Melayu pada tahun hadapan telah di-tutup pada hari Ahad lepas.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, hampir2 tiga ribu kanak2 telah di-daftarkan oleh sekolah2 Melayu di-seluruh negeri.

Pendaftaran itu ia-lah bagi kanak2 yang di-lahirkan sebelum 1 Julai, 1967.

Juruchakap itu berkata, untok menampung murid2 baru itu, Pejabat Pelajaran telah meranchangkan hendak membena enam buah sekolah rendah di-Brunei, Bahagian Satu.

Pendaftaran untok memasoki sekolah2 Melayu terus meningkat dari sa-tahun ka-sa-tahun. Pada tahun lalu, sa-ramai 2,864 dan pada tahun sa-belum-nya ia-lah sa-banyak 2,736 pendaftaran.

Sekolah2 Melayu ada-lah bertanggung jawab kepada 19,341 orang dari jumlah murid2 sekolah di-negeri ini.

HOKI PIALA WERNHAM S.O.A.S. MENANG TAHUN INI



SERIA — Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin "A" telah mengalahkan Pulis Di-Raja Brunei dengan tiga gol tidak berbalas dalam perlawanan hoki kalah mati bagi peringkat akhir untok merebut Piala Wernham yang telah berlangsung di-padang S.R.C. hari Ahad lepas.

Dalam sa-paroh masa pertama tidak ada gol pun yang telah di-jaringkan.

Maktab SOAS telah memperhebatkan serangan2 mereka dalam sa-paroh masa kedua dan berjaya menjaringkan tiga gol.

Yahya Abdi Manaf berjaya menjaringkan dua gol dan Awang-ku Suhaimi satu gol.

Pengiran Sharifuddin telah menyampaikan hadiah piala itu pada penghujung perlawanan tersebut.

Gambar atas ia-lah pasokan Maktab S.O.A.S.

BRUNEI AKAN MEMPUNYAI STADIUM YANG MODEN

DARI MUKA 1

ti ini perkara yang maha penting bukan-lah kemenangan, tetapi kejujuran dan keikhlasan untuk turut serta dan ketabahan untuk menurut segala peraturan2-nya demi untuk meninggikan taraf sokan di-kawasan ini.

Yang Amat Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf juga telah menyatakan betapa mustahak-nya lapangan sokan seperti itu yang di-sifatkan beliau sa-bagai salah satu jurusan yang boleh melahirkan satu generasi yang bersopan suntun, berilmu dan berbadan sehat.

Oleh itu, tegas beliau, alat2 sokan telah pun di-sediakan dan di-bekalkan untuk kegunaan kanak2 sekolah di-negeri ini dan beberapa kemudahan2 yang lain akan terus di-usahakan.

Menyebut mengenai kolam mandi yang moden yang sedang di-laksanakan pembenaan di-Jalan Berakas, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf telah melahirkan harapan supaya kolam mandi itu akan dapat di-gunakan oleh belia2 di-negeri ini dengan sa-penoh-nya.

STADIUM BRUNEI

Beliau juga mengumukan bahawa tidak berapa lama lagi kita akan dapat menggunakan satu stadium yang moden di-Brunei dan pada masa itu dapat-lah kita menggunakan-nya dengan satu keadaan yang lebeh sempurna dari apa yang di-dapati dalam perlawanan sokan tiga Wilayah Borneo itu.

"Stadium yang saya sebutkan tadi ada-lah merupakan lapangan yang akan dapat memenohi keperluan2 olah raga dan keperluan2 yang lain seperti yang sering di-teriak2-kan oleh peminat2 sokan kita", jelas beliau.

Menyebut mengenai ahli2 sokan yang mewakili Brunei dalam perlawanan itu, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf menjekaskan:

"Kita menyedari bahawa kita maseh mempunyai kekurangan2 yang penting untuk meninggikan taraf petanding2 kita".

"Usaha2 untuk meninggikan taraf petanding2 kita itu saya yakin akan di-jalankan pada masa yang akan datang dan dengan itu juga saya berharap ahli2 sokan kita akan dapat meninggikan qualiti2 pertandingan mereka bukan hanya untuk Sokan Tiga Wilayah Borneo ini bahkan ka-Sokan Asia, ka-Sokan Kommonwelth dan juga ka-Sokan Olympik".

Demikian harapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu kepada ahli2 sokan Brunei.

Beliau sa-terus-nya berharap: "semoga saya akan dapat melihat chita2 ini akan menjadi kebenaran di-zaman kita ini."

Sa-lain dari itu, beliau juga berharap kepada pegawai dan ahli2 sokan yang mewakili Brunei dalam pertandingan itu supaya dapat mengambil peluang tersebut untuk mengeratkan lagi tali persahabatan dengan pegawai2 dan peserta2 yang mewakili wilayah2 Sabah dan Sarawak.

Kapada peserta2 dari Sabah dan Sarawak pula, Yang Amat Berhormat itu di-samping mengalu2kan mereka telah juga menchurahkan harapan agar supaya mereka dapat menghilangkan perasaan ragu2 dan segan, malah sa-balek-nya "anggap-lah Negeri Brunei Darus-salam ini sa-bagai negeri Awang2 dan Dayang2".

Turut memberikan ucapan di-upachara itu ia-lah Pengerusi Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail ia-itu Pegawai Daerah Belait.

Dalam ucapan-nya, Pengi-

ran Momin telah menyatakan sejarah rengkas ujud-nya perlawanan sokan antara tiga wilayah Borneo ini yang telah bermula sejak 13 tahun yang lalu.

Beliau menyatakan bahawa perlawanan sokan tiga wilayah yang di-adakan di-Seria itu ada-lah bagi ke-lima kali-nya Negeri Brunei menjadi tuan rumah.

Keputusan penoh perlawanan Sokan Tiga Wilayah Borneo yang berlangsung di-Seria itu di-siarkan di-muka 7, keluaran Pelita Brunei minggu ini.



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf sedang memberikan ucapan sa-belum merasmikan pembukaan perlawanan Sokan Tiga Wilayah Borneo yang berlangsung di-Seria. Antara tetamu2 khas kelihatan Dato Donald Stephens dari Sabah (memegang kamera), Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Penulong2 Menteri dan Pegawai Daerah Tutong di-kanan sekali.

RANCHANGAN MENANAM POKOK2 DI-SUBOK

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hutan telah mendapatkan kira2 20 ekar tanah di-Bukit Subok dekat Bandar Brunei untuk menjalankan tanaman perchubaan pokok2 yang chepat besar di-bawah ranchangan menghidupkan sa-mula kawasan2 hutan.

Kawasan itu akan di-tanam dengan anak2 pokok dalam musim hujan yang akan datang ini.

Usaha ini ada-lah berikutan dengan kejayaan tanaman2 perchubaan di-Sungai Liang dalam mana satu kawasan tanah sa-luas 76 ekar dari tanah sa-luas 1,500 ekar telah di-tanami dengan pohon2 pain (pine) yang chepat besar.

Pokok2 tersebut yang telah di-tanam dalam tahun 1960 sekarang telah tegak sa-tinggi hampir2 20 kaki.

Ranchangan menghidupkan sa-mula kawasan2 hutan adalah bertujuan untuk menanam sa-mula tanah2 yang telah terkosong dari kayu kayan yang berfaedah.

Ia-nya juga untuk menche-gah hakisn, membaiki kesuboran tanah dan menjamin perbekalan kayu kayan yang

terjadi bagi perdagangan.

Di-bawah ranchangan itu, anak2 pohon bindang sa-tem-pat turut juga di-tanam.



Dua orang pegawai kerajaan yang menghadhiri seminar perancang bagi Ka-yak2 dan Belia dalam pembanguan Negara yang sedang berlangsung di-Bangkok pada masa ini dan akan berakhir pada 27 Julai. Dari kiri Awang Kifli bin Bujang dan Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Awang Md. Taib. Berita-nya di-muka 3.